

Umum calon PRU-13 perlu masa sesuai
Utusan Online
23 Disember, 2012

KUALA TERENGGANU 22 Dis. - Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pengumuman calon Barisan Nasional (BN) untuk Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti akan dibuat hanya apabila tiba masa yang sesuai bagi kepentingan parti.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perkara itu akan diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Pengerusi BN selepas mengambil kira situasi semasa, keadaan serta calon itu sendiri.

Dalam hal ini, kita kena ada pendirian yang strategik. Jadi, bila BN nak buat sebarang keputusan, kita juga akan ambil kira isu-isu yang strategik termasuk ia akan beri kelebihan kepada kita atau tidak.

Apa yang penting ialah bila sampai masa keputusan dibuat, kita ahli-ahli parti kena terima keputusan itu dengan sebaiknya," katanya ketika lawatan kerja sehari ke Terengganu di sini hari ini.

Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden UMNO mengulas kenyataan UMNO Pahang baru-baru ini yang meminta supaya pucuk pimpinan mengumumkan nama calon BN lebih awal agar gerak kerja kempen dapat dilakukan dengan lebih teratur.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20121223/po_05/Umum-calon-PRU-13-perlu-masa-sesuai